

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 21 NOVEMBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan

- (a) apakah rancangan Kementerian untuk menambahkan bilangan Sekolah Menengah Pendidikan Khas; dan
- (b) bilangan murid berkeperluan khas (peringkat sekolah rendah dan menengah) yang berjaya ditempatkan dalam kelas-kelas arus perdana dibandingkan dengan jumlah keseluruhan, bagi setiap tahun 2014 hingga kini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Dasar Pendidikan Khas Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah untuk memberi peluang kepada murid berkeperluan khas (MBK) mendapat akses pendidikan yang sesuai dan relevan dengan kebolehan masing-masing supaya mereka dapat berdikari dan menjalani hidup yang berkualiti. Pendidikan bagi MBK dilaksanakan di Sekolah Pendidikan Khas, Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) dan Program Pendidikan Inklusif (PPI).

Sehubungan itu, bagi memastikan MBK juga mendapat peluang pendidikan sehingga ke peringkat menengah, KPM telah merancang pembinaan dua (2) buah sekolah menengah iaitu Sekolah Menengah Pendidikan Khas Bumbong Lima di Pulau Pinang yang dijangka beroperasi pada tahun 2021 dan Sekolah Menengah Pendidikan Khas Vokasional Padawan di Kuching dijangka akan memulakan pembinaan pada tahun 2020.

- (b) Bilangan murid berkeperluan khas (MBK) yang ditempatkan di kelas arus perdana atau Program Pendidikan Inklusif (PPI) Arus Perdana adalah seramai 5,376 orang pada tahun 2014; 10,657 orang pada tahun 2015; 14,392 orang pada tahun 2016; 15,480 orang pada tahun 2017; 15,734 orang pada tahun 2018; dan 15,961 orang bagi data Jun 2019.

Sekian, terima kasih.